



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"MENGHAYATI KEADILAN SEJAGAT DALAM KEHIDUPAN BERNEGARA"

24 Mei 2024 / 15 Zulkaedah 1445

الْحَمْدُ لِلّٰهِ¹ عَلٰى الْعَرْشِ اسْتَوَى، وَيَعْلَمُ السِّرَّ وَأَخْفَى، وَخَلَقَ النَّاسَ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَى، وَجَعَلَ بَيْنَهُمْ مَوَدَّةً وَنَسِبًا وَصَهْرًا. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْأَسْمَاءُ الْخُسْنَى، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمُصَطَّفَى، اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلٰى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالْتَّابِعِينَ أَهْلِ الصِّدْقِ وَالْوَفَاءِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ! اتَّقُوا اللّٰهَ³ أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللّٰهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dimuliakan,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa, melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan-Nya; mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam rahmat keredaan Ilahi. Mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk:

"MENGHAYATI KEADILAN SEJAGAT DALAM KEHIDUPAN BERNEGARA"

Firman Allah Taala:

(يٰٰيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُوْنُوا قَوَّامِينَ لِلّٰهِ شَهِدَاءِ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِي مَنَّكُمْ شَنَاعٌ قَوْمٌ عَلَىٰ لَا تَعْدِلُوْا أَعْدِلُوْا هُوَ أَقْرَبُ لِلثَّقَوَىٰ وَاتَّقُوا اللّٰهَ إِنَّ اللّٰهَ خَيْرٌ بِمَا تَعْمَلُوْنَ ﴿٨﴾)

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, dengan menerangkan kebenaran! Dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu untuk tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa-apa yang kamu lakukan. (Surah al-Mai'dah ayat 8)

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



'Adil' adalah sifat yang sangat terpuji dan sangat dicintai Allah, dengannya darjat dan kedudukan seseorang diangkat, dan dengannya akan menumbuhkan rasa persatuan sesama manusia. Terkandung 28 kalimah 'adil' dalam Al-Quran, membuktikan betapa penting dan utama 'sifat adil' dalam kehidupan manusia. Para ulama salaf sehingga ulama *khalaf* mentakrifkan 'adil' itu, mengandungi tidak kurang 23 pengertian, antaranya menurut Ibnu 'Atiyah, 'adil' adalah melakukan kewajipan pada perkara akidah dan syariat, melaksanakan amanah, meninggalkan kezaliman, insaf dan memberikan hak pada yang berhak.

Muslimin yang dikasihi Illahi,

Dalam melaksanakan prinsip keadilan, Islam menggariskan enam bidang; **pertama:** keadilan hukuman, **kedua:** keadilan ekonomi, **ketiga:** keadilan politik, **keempat:** keadilan masyarakat, **kelima:** keadilan kesihatan, dan **keenam** keadilan pendidikan. Demikian keadilan yang digariskan dalam Islam, meliputi setiap perkara, bersifat sejagat, dan melibatkan semua pihak.

Prinsip keadilan sejagat mempunyai kedudukan suci dalam Islam kerana bersumberkan satu daripada nama-nama Allah yang indah iaitu "al-'Adl". Ayat yang dibacakan pada awal khutbah, menekankan bahawa keadilan wajib ditegakkan terhadap semua kaum tanpa sebarang pengecualian.

Manakala perintah menegakkan keadilan yang terkandung dalam Surah An-Nisa ayat 58, didahului oleh perintah menyampaikan amanah kepada mereka yang berhak; membawa pengertian bahawa keadilan ialah amanah yang wajib dilakukan kepada siapa sahaja yang berhak tanpa mengira kaum.

Sahibus Samahah Mufti Negeri Perak, menyuarakan pandangan isu memboikot atau memulau perniagaan tertentu harus dihentikan dengan hujah bahawa perbuatan tersebut berlawanan dengan keadilan Islam. Beliau berpandangan, boikot yang dilakukan ketika ini, tidak menepati Sunnah Baginda SAW, dan boleh menjerumuskan kepada berlakunya kezaliman. Lebih parah, apabila isu ini telah disensasikan tanpa landasan ilmu dan tanpa hujah yang benar, hingga menyemarakkan sentimen atau perasaan benci dan marah. Maka langkah menoktahi isu ini telah tersasar jauh daripada landasan keadilan Islam sejagat.



Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) berpandangan, isu boikot harus dilihat berdasarkan neraca keadilan dan juga melihat kepada aspek *maslahah* dan *mafsadah* secara mendalam. Adakah tindakan yang dilakukan itu adil dan benar, dan adakah tindakan memboikot itu mendatangkan kebaikan atau sebenarnya mengundang lebih banyak mudarat. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) menyeru semua pihak agar mengambil berat kenyataan Mufti Negeri Perak, supaya isu ini tidak menjadi semakin keruh hingga merugikan semua pihak.

Jemaah yang dirahmati Ilahi

Hakikat yang wajib difahami, umat Islam dan bukan Islam di negara ini saling memerlukan. Sebarang ketidakadilan dan keburukan yang menimpa satu pihak, akan memberi kesan kepada pihak yang satu lagi. Justeru, penting disemaiakan semangat saling hormat menghormati dan amalan saling bantu membantu sesama kita, kerana dakwah Islamiah memerlukan suasana tenang dan damai, serta hubungan harmoni antara kaum yang menganut pelbagai agama.

Sebagai contoh, ketika berlakunya perjanjian damai '*Hudaibiah*' pada tahun ke-enam Hijrah, tentera Islam yang bersama Rasulullah SAW ketika itu berjumlah 1,400 orang. Tetapi selepas dua tahun perjanjian damai termeterai, ketika '*Fathu Mekah*' jumlah tentera Islam meningkat 10,000 orang; bererti ketika suasana damai, dalam masa dua tahun sahaja, dakwah Islamiah berkembang lebih pesat berbanding dalam suasana tegang dan perang pada tahun-tahun sebelumnya.

Suasana tenang dan damai, serta hubungan harmoni antara kaum yang menganut pelbagai agama diperlukan, untuk membolehkan dakwah Islamiah berkembang pesat. Al-Quran memberi panduan kepada umat Islam agar menggunakan pendekatan berhikmah dan tutur kata yang baik dalam misi dakwah.

Perbuatan memboikot terhadap sesuatu kaum, sebenarnya tidak selari dengan sunnah Rasulullah SAW. Thumamah bin Uthal, Ketua Qabilah Yamamah telah ditawan oleh sepasukan tentera yang diutus oleh Nabi SAW, lalu dibawa ke Madinah. Beliau kemudiannya memeluk Islam dan berangkat ke Mekah untuk menunaikan haji. Setelah mengetahui permusuhan kaum Quraisy terhadap Islam, beliau mengisyiharkan sekatan bahan-bahan makanan dari Yamamah kepada kaum Quraisy. Sekatan ini memberi kesan teruk kepada kaum Quraisy di Mekah, kerana sebahagian besar sumber makanan masyarakat Mekah datang dari Yamamah. Para pembesar Quraisy menghantar utusan



menemui Rasulullah SAW, meminta jasa baik baginda agar perbuatan sekatan makanan ditamatkan. Mendengar permintaan kaum Quraisy, Rasulullah SAW telah meminta Thumamah menghentikan perbuatan menyekat bahan-bahan makanan kepada kaum Quraisy. Keluhuran akhlak Baginda tidak membenarkan bahan makanan yang merupakan satu hak asasi paling utama dalam kehidupan manusia, digunakan sebagai senjata dalam pertikaian.

Rasulullah SAW membentuk piagam Madinah, bagi mengatur hubungan pelbagai kaum dalam negara Islam pertama yang ditubuhkan di Madinah. Piagam Madinah menyamaratakan hak dan tanggungjawab antara warga Muslim dan bukan Muslim. Piagam Madinah menyatakan bahawa warga bukan Muslim membentuk satu 'ummah' bersama umat Islam. Oleh itu, diri dan harta benda warga bukan Muslim diberikan perlindungan yang sama seperti harta benda warga Muslim.

Dalam sebuah hadis Rasulullah SAW melarang sebarang perbuatan yang menjerumuskan ke arah perbuatan tidak berlaku adil terhadap bukan Muslim, sabda Rasulullah SAW:

مَنْ ظَلَمَ مُعَاهِدًا أَوْ تَنَقَّصَهُ حَقًّهُ وَكَلَفَهُ فَوْقَ طَاقَتِهِ أَوْ أَخَذَ مِنْهُ شَيْئًا بِغَيْرِ طِيبٍ نَفْسٍ فَأَنَّا
 حَصْمُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Bermaksud: Sesiapa yang menzalimi orang kafir (yang menjalin perjanjian dengan Islam) atau mengurangi haknya atau membebaninya atas kemampuannya atau mengambil darinya sesuatu yang tidak ia relakan maka aku adalah musuhnya pada hari kiamat.

(Riwayat Abu Daud)

Muslimin yang dikasihi,

Para analisis ekonomi berpandangan pendekatan boikot yang dilakukan bersifat reaktif, berdasarkan emosi dan tidak menyelesaikan masalah sebenar. Yang pasti, boikot akan menyebabkan perniagaan yang disasarkan, bukan sahaja mengalami penurunan jualan dan keuntungan, malah berhadapan risiko rugi. Akibatnya gaji pekerja terpaksa dikurangkan, lebih malang apabila urus niaga terpaksa ditutup, pekerja hilang pekerjaan. Dilaporkan ramai pekerja dan majoritinya pekerja Islam yang terjejas susulan tindakan boikot.



Langkah memboikot premis jualan dan jenama tertentu, boleh memberikan kesan buruk kepada ekonomi negara. Ini kerana syarikat-syarikat yang terlibat merupakan antara pembayar zakat dan cukai di Malaysia. Dikhuatiri, boikot yang berdasarkan emosi, tanpa perancangan rapi, berkemungkinan turut meruntuhkan ekonomi orang Islam sendiri yang terlibat dalam rangkaian pembekalan, pengedaran, pemasaran, pengurusan, urus niaga dan pekerjaan. Malah, usaha negara untuk menarik pelabur, dan kedudukan negara sebagai negara perdagangan dan destinasi pelaburan turut terjejas. Berkurangnya pelaburan, bermakna berkurang juga urus niaga, dan berkurang jugalah peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia.

Jemaah yang dimuliakan,

Marilah kita mengambil tindakan-tindakan proaktif seperti berikut:

Pertama: Prihatin dengan apa jua isu berkaitan Islam dan syiarnya dengan bertindak secara rasional, segera melaporkan kepada pihak berkuasa agar dapat dilakukan tindakan pembaikan, dan menghindarkan diri dipengaruhi emosi untuk bertindak secara bersendirian yang bercanggah dengan undang-undang yang bakal mendatangkan lebih banyak keburukan daripada kebaikan.

Kedua: Pihak penguatkuasaan dan pemantauan, wajib bersikap tegas dan pantas mengambil tindakan mengikut lunas undang-undang terhadap perkara-perkara menyentuh sensitiviti agama. Dibimbangkan kelewatan atau kelemahan tindakan oleh pihak penguatkuasaan bakal mengundang berlakunya keresahan orang awam yang boleh menyebabkan tercetus perbuatan yang menjas ketenteraman awam.

Ketiga: Umat Islam wajib terus berdakwah dan menampilkan wajah Islam yang indah lagi menarik ketika menjalankan kerja-kerja dakwah.

Keempat: Memberikan peringatan nasihat kepada bukan Islam supaya lebih sensitif terhadap agama Islam dan menghormati budaya umat Islam, demi memastikan hubungan harmoni antara agama dan kaum tidak terjejas.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعِيْ وَإِيَّاکُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ
مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! إِتَّقُوا اللَّهَ، وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan Asyairah Maturidiah. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكِتِكَ تَهُوَ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوْأَ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا شَلِيمًا⁷

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَاصْلِحْ ذَاتَ بَيْنَهُمْ وَالْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِبِّهِمْ عَلَى مِلَةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتَنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِرْ أَعْدَائَهَا أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمَيْنَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, Bimbing kami mengamalkan cara kehidupan berlandaskan syarak – kehidupan yang menyuntik semangat perpaduan dalam kalangan warga. Kurniai negara kami keamanan dan kemakmuran yang berkekalan melalui kepimpinan dan masyarakat yang saling menjulang prinsip keadilan sejagat secara berhikmah dan bijaksana.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الْلَّذِيْنَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.